

## **KEMPEN GOODDAY SEBARKAN KEBAIKAN**

### **TERMA & SYARAT**

1. Kempen “Goodday Sebarkan Kebajikan” (“Kempen”) ini dianjurkan oleh Etika Sdn. Bhd. (197401000305) (“Penganjur”) dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia (setiap “Peserta” dan secara kolektif “Para Peserta”). Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti dan untuk tujuan pengesahan identiti Peserta. Golongan individu berikut adalah terkecuali daripada menyertai Kempen ini:
  - a. Rakyat Malaysia yang berumur di bawah umur 18 tahun (pada 12 April 2021); atau
  - b. Kakitangan Penganjur (termasuk syarikat yang bersekutu dan berkaitan dengannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik, termasuk pasangan); atau
  - c. Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pengiklanan dan/atau penyedia khidmat promosi Penganjur (termasuk syarikat yang bersekutu dan berkaitan dengannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik, termasuk pasangan).
2. Kempen ini akan berlangsung dari 12 April 2021 hingga 4 Jun 2021 (“Tempoh Kempen”). Pihak Penganjur berhak menurut budi bicara mutlaknya untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Kempen dan/atau membatalkan/menamatkan Kempen pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu dan tanpa sebab dan liabiliti kepada mana-mana pihak. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan secara automatik.
3. Jenama-jenama yang turut serta dalam Kempen ini adalah susu GOODDAY dan jus TROPICANA sahaja (“Produk Yang Turut Serta”).
4. **Untuk menyertai Kempen:**
  - a. Para Peserta perlu membeli mana-mana Produk Yang Turut Serta berjumlah minima Ringgit Malaysia Lima Belas [RM15] dalam satu (1) resit di mana-mana kedai, pasar raya, kedai dalam talian atau peruncit e-dagang yang turut serta dalam Tempoh Kempen.
  - b. Para Peserta perlu mengisi Borang Kempen dan memuat naik resit dalam Mikrosit Kempen di [www.gooddaysebarkankebaikan.com](http://www.gooddaysebarkankebaikan.com) untuk pengesahan. Borang perlu dilengkapkan sebagai syarat penyertaan dan boleh dihantar lebih daripada sekali (1) asalkan mempunyai resit bukti pembelian yang berlainan.
  - c. Setiap Borang Layak yang diterima sepanjang Tempoh Kempen secara automatik akan layak untuk menyertai Kempen ini.
  - d. Pengesahan resit akan mengambil masa sehingga 48 jam. Para Peserta akan menerima mesej SMS dan E-mel apabila resit telah berjaya disahkan. SMS dan E-mel yang diterima akan mengandungi pautan di mana Peserta boleh klik untuk melihat jumlah e-kredit Touch ‘N Go yang akan diterima dan memilih atas budi bicara sendiri samada untuk menebus e-kredit tersebut atau membuat sumbangan e-kredit tersebut kepada Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia selepas ini dirujuk sebagai “sumbangan”.
  - e. Jumlah e-kredit yang diterima oleh Peserta setelah resit disahkan adalah dihasilkan secara rawak. E-kredit yang diberikan bernilai RM1, RM5, RM10 dan RM30.
  - f. Peserta hanya boleh membuat salah satu pilihan sekali (1) sahaja untuk satu (1) resit yang telah disahkan.
  - g. Setiap resit yang dihantar akan dianggap sebagai satu (1) penyertaan. Jumlah keseluruhan untuk produk-produk yang dibeli tidak akan diambil kira sebagai pelbagai penyertaan.
  - h. Pautan akan luput selepas 3 hari sekiranya tiada tindakan yang diambil oleh

Peserta. Amaun e-kredit yang diberikan kepada Peserta yang gagal membuat pilihan akan disumbangkan ke Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia oleh Penganjur secara automatik selepas 3 hari pautan dihantar.

- i. Simpan resit bercetak asal bertarikh dalam Tempoh Kempen dengan butiran resit yang sepadan dengan penyertaan resit sebagai bukti pembelian (“Bukti Pembelian”).
- j. Para Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang diinginkan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan butiran yang diperlukan dalam Borang Kempen dan Bukti Pembelian yang berlainan bagi setiap penyertaan.
- k. Para Peserta tidak dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan resit dengan Bukti Pembelian yang sama kepada pihak Penganjur. Resit penyertaan atau Bukti Pembelian yang sama akan dibatalkan.
- l. Resit yang dihantar mesti mempunyai butiran berikut: tarikh pembelian, butiran produk, nombor resit, jumlah harga dan butiran kedai di mana produk dibeli.
- m. Hanya resit-resit bercetak asal dengan butiran produk yang jelas akan diterima. Untuk pembelian dalam talian, ‘order details’ akan diterima hanya sekiranya ia menyatakan bahawa pembelian tersebut sudah dibayar, dihantar dan selesai. Resit-resit yang sukar dibaca, rosak, diubah, disalin semula, diperolehi secara tidak sah, tersalah cetak dan/atau tidak mengandungi maklumat yang diperlukan adalah tidak sah dan tidak akan diterima. Pihak Penganjur mempunyai budi bicara mutlak dan hak untuk membatalkan kelayakan resit-resit tidak sah tersebut.
- n. Kempen akan bermula pada jam 12:00 pagi, 12 April 2021 dan berakhir pada jam 11:59 malam, 4 Jun 2021.
- o. Pihak Penganjur tidak akan membayar balik kepada Peserta apa-apa caj yang dikenakan untuk menghantar penyertaan, jika ada.
- p. Para Peserta hanya boleh menyertai Kempen ini melalui Mikrosit Kempen di [www.gooddaysebarkankebaikan.com](http://www.gooddaysebarkankebaikan.com) sahaja.
- q. Pihak Penganjur dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam Kempen ini tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang kelewatan, kegagalan penghantaran dan/atau gangguan muat naik di Mikrosit Kempen [www.gooddaysebarkankebaikan.com](http://www.gooddaysebarkankebaikan.com).

#### **5. Cara menebus e-kredit Touch ‘N Go:**

- a. Selepas resit telah disahkan, Para Peserta akan menerima SMS dan E-mel yang mengandungi pautan di mana Para Peserta boleh klik dan melihat jumlah e-kredit yang diterima.
- b. Para Peserta mestilah menebus e-kredit dalam masa 3 hari. Pautan akan luput selepas 3 hari sekiranya tiada tindakan yang diambil. Amaun yang diberikan akan disumbangkan secara automatik selepas 3 hari pautan dihantar. 3 hari akan dikira mengikut tarikh dan bukannya masa.
- c. Para Peserta yang telah memilih untuk menebus e-kredit Touch ‘n Go akan menerima nombor PIN di E-mel berdaftar mereka.
- d. E-kredit boleh ditebus apabila Para Peserta menambah nilai di aplikasi Touch ‘n Go dengan menggunakan nombor PIN yang telah diterima.
- e. Nombor PIN hanya boleh digunakan untuk menebus e-kredit Touch ‘n Go sekali (1) sahaja.

#### **6. Cara untuk membuat sumbangan amal:**

- a. Pautan yang diterima oleh Para Peserta melalui hantaran SMS/E-mel selepas resit telah disahkan akan membawa Para Peserta ke mikrosit di mana Para Peserta boleh melihat jumlah yang diterima dan memilih untuk membuat sumbangan.
- b. Jumlah sumbangan akan dibuat ke Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia.
- c. Sumbangan yang telah dibuat tidak boleh dikembalikan.

7. Semua kos peribadi dan/atau sebarang kos, perbelanjaan , yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan dengan Kempen adalah tanggungjawab Peserta sepenuhnya.
8. Para Peserta akan menanggung liabiliti dan bertanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan atau kerugian serta tuntutan akibat penyertaan di dalam Kempen ini. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan khas, tidak langsung, sampingan atau akibat daripada apa-apa bentuk, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian keuntungan dan kerugian jangkaan.
9. Dengan menyertai Kempen ini, para Peserta memberi keizinan untuk memberi maklumat peribadinya dan pihak Penganjur berhak untuk menyiarkan, menggunakan nama dan/atau gambar pemenang serta penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan dan setiap Peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan ke atas penggunaan penyertaan tersebut oleh pihak Penganjur.
10. Pihak Penganjur mengumpul maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan atau untuk berhubung dengan Peserta. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta memberi izin kepada pihak Penganjur untuk memproses dan menyimpan maklumat peribadi Peserta yang mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA 2010). Maklumat ini disimpan oleh pihak Penganjur dalam kaedah yang sesuai dengan data tersebut dan digunakan untuk memenuhi permintaan Peserta. Dengan mengemukakan maklumat peribadi Peserta, pihak Penganjur menganggap bahawa keizinan telah diberi kepada pihak Penganjur dan/atau agen-agen yang dilantik olehnya untuk menggunakan maklumat ini bagi tujuan pemasaran dan promosi yang terkini dan di masa hadapan serta untuk menambahbaik produk-produk dan perkhidmatannya. Sekiranya Peserta memaklumkan pihak Penganjur melalui talian pelanggannya di 1300 30 1300 bahawa maklumat tersebut tidak patut digunakan sebagai asas untuk hubungan seterusnya, pihak Penganjur akan menghormati permintaan Peserta. Maklumat Peserta tidak akan diberi atau dikongsi dengan syarikat-syarikat/rakan-rakan lain untuk kegunaan bebas mereka. Pihak Penganjur mungkin akan berkongsi, menyebarkan atau mengedarkan mana-mana maklumat peribadi Peserta tanpa persetujuan sekiranya perlu untuk berbuat demikian di bawah undang-undang berkaitan, keputusan mahkamah atau pihak pentadbiran bidang kuasa yang berwibawa.
11. Dalam kes kejadian Force Majeure, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa sebab di luar kawalan pihak termasuk tanpa batasan, perbuatan Tuhan, tindakan kerajaan atau perintah kerajaan, pandemik, kebakaran wabak, peperangan, mogok, rusuhan atau banjir yang di luar kawalan yang munasabah mana-mana pihak, kewajipan Penganjur untuk melaksanakan atau meneruskan Kempen ini hendaklah digantung kerana peristiwa Force Majeure. Penganjur boleh menamatkan Kempen ini dengan serta-merta dan Penganjur tidak mempunyai sebarang liabiliti yang terakru kepada mana-mana pihak dari tarikh bermulanya kejadian Force Majeure.
12. Dengan menyertai Kempen ini, para Peserta harus bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat rasmi yang ditetapkan serta segala keputusan pihak Penganjur.
13. Pihak Penganjur berhak untuk menangguh atau membatalkan Kempen, dan meminda, membatalkan atau mengubahsuai Terma dan Syarat ini tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu pada bila-bila masa dan para Peserta akan terikat dengan perubahan tersebut. Sekiranya Kempen ditangguhkan atau dibatalkan, pengumuman akan dibuat serta-merta di mikrosit dan semua saluran media sosial pihak Penganjur. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, para Peserta tidak layak untuk sebarang tuntutan dan

pampasan terhadap pihak Penganjur untuk sebarang atau semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau berlaku sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada penangguhan atau pembatalan Kempen.

14. Keputusan pihak Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat dan panggilan tidak akan dilayan.
15. Kempen ini tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan persekutuan, negeri dan tempatan yang berkaitan dan akan dibatalkan sekiranya dilarang.